

TERMA RUJUKAN

PANGGILAN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENDIDIKAN SENI CENDANA #BASKL LAWATAN SENI SAMBIL BELAJAR (UNTUK SEKOLAH SAHAJA)

GARIS MASA

	Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir	Notis kepada Sekolah	Jadual Lawatan
Panggilan untuk permohonan	4 Februari 2020	13 Mac 2020	6 April 2020	Mulai bulan Mei 2020

Pengenalan

Matlamat utama CENDANA adalah untuk membantu mewujudkan lebih banyak permintaan terhadap seni dengan menjadikan seni lebih mudah diakses disamping menggalakkan pertumbuhan potensi para pelajar serta memperdalamkan pemahaman mereka terhadap seni budaya Malaysia yang merupakan tonggak strategik CENDANA, “*Memperkasakan Seni*” dan blok seni “*Pendidikan Budaya dan Kreatif: Mewujudkan Tenaga Kerja Kreatif*”.

1. Apakah Program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar?

Program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar/ Arts Excursion (AEX) adalah inisiatif CENDANA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha mewujudkan pengalaman positif yang pertama untuk para pelajar sekolah rendah mengenai seni budaya Malaysia. Para pelajar akan memperolehi pengalaman pembelajaran melalui pendedahan langsung kepada persembahan secara langsung dan/ atau pameran seni visual di tempat kesenian profesional. Sebagai permulaan, program ini akan dilaksanakan di Lembah Klang.

Program ini telah dibangunkan dengan merujuk kepada program Pendidikan Kesenian dari Majlis Seni Kebangsaan Majlis Singapura.

Program ini adalah lanjutan daripada inisiatif kesedaran CENDANA mengenai Kuala Lumpur sebagai bandaraya seni budaya dan kreatif: Bandar Aktiviti Seni KL.

2. Apakah matlamat Program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar?

- Memupuk semangat dan minat terhadap pendidikan seni yang aktif di sekolah masing-masing.
- Meningkatkan dan memperkukuhkan pengetahuan asas dan pemahaman tentang pelbagai bentuk seni selaras dengan kurikulum formal semasa di sekolah masing-masing.

TERMA RUJUKAN

- Pendedahan awal dengan menyelami pelbagai jenis hasil atau karya seni yang dikategorikan sebagai, Seni Persembahan, Musik Indie dan Seni Visual, untuk mengalakkan perkembangan minat dan penghayatan seni.
- Memberi pendedahan awal kepada landskap dan amalan seni budaya.
- Membangun dan mengukuhkan pertumbuhan potensi pelajar melalui seni, dan menyumbang kepada kelestarian sektor seni.

3. Apakah yang disokong melalui program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar?

Setiap lawatan boleh merangkumi sehingga **dua (2) aktiviti seni dan budaya**. Sektor-sektor yang terlibat adalah seperti berikut:

Seni persembahan	Seni visual	Muzik bebas
Seni tradisional dan kontemporari termasuk: i. teater ii. tarian iii. muzik (seperti koir, permainan alat muzik, persembahan berkumpulan dan lain-lain)	<ul style="list-style-type: none"> • Seramik • Melukis • Membuat Lukisan • Seni Bina • Blok Lukisan • Reka bentuk • Fotografi • Seni Pemasangan • Seni Multimedia 	<ul style="list-style-type: none"> • Muzik yang dihasilkan secara bebas - tidak mempunyai mana-mana rekod label perdagangan atau milik syarikat.

Lawatan seni sambil belajar harus mengambil tempat di sekitar lima puluh kilometre (50km) radius dari sekolah yang terlibat. Aktiviti-aktiviti seni dan budaya sebaiknya melibatkan perkara berikut:

- Melibatkan Pegawai Pendidikan Seni yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Negara atau/ oleh pihak CENDANA.
- Melibatkan lawatan ke Galeri Seni atau Muzium dan menghadiri persembahan secara langsung sama ada di teater atau persembahan muzik. Aktiviti-aktiviti program lawatan ini mungkin berbeza berdasarkan lokasi sekolah-sekolah dan tertakluk kepada ketersediaan persembahan.
- Peruntukan bagi program ini termasuklah;
 - Kos pengangkutan melalui bas sekolah dalam jarak 50KM dari sekolah.
 - Makanan dan minuman untuk para pelajar dan guru-guru pengiring.
 - Insuran untuk para pelajar dan guru-guru pengiring.
- Sekiranya ada yuran penyertaan untuk tempat seni dan budaya yang di pilih oleh pihak sekolah, maka pihak sekolah berkenaan hendaklah bertimbang untuk membiayai sendiri kos kemasukkan yang dikenakan kerana ia tidak termasuk dalam kos pembiayaan program ini.

TERMA RUJUKAN

Program ini menyasarkan pelajar-pelajar sekolah rendah dari darjah tiga (3) ke darjah enam (6) sahaja iaitu sembilan (9) tahun hingga duabelas (12) tahun dan sebagai permulaannya akan dilaksanakan di Lembah Klang sahaja.

4. Apakah tahap pembiayaan yang disediakan untuk program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar?

Program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar menyediakan peruntukkan sehingga lima ribu ringgit (RM5,000) untuk setiap permohonan sekolah yang terpilih. Sokongan tersebut diharap dapat memberi inspirasi kepada maksimum seratus lapan (108) pelajar bagi setiap sekolah rendah yang berjaya.

Peruntukan pembiayaan adalah seperti berikut:

No.	Perkara	Anggaran kos
1.	Kos pengangkutan melalui bas sekolah	sehingga RM800 untuk satu bas sekolah
2.	Makan dan minum	RM16 seorang pelajar
		RM16 seorang guru
3.	Insuran	RM5 seorang pelajar

Satu bas sekolah perlu menampung maksima tiga puluh enam (36) pelajar dan empat (4) guru pengiring mengikut apa yang disarankan oleh amalan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Pembiayaan akan diagihkan dalam dua (2) ansuran dan dana dikreditkan ke dalam akaun bank sekolah yang diiktiraf atau disediakan dalam bentuk cek.

Struktur pengagihan dana ditentukan seperti berikut:

- o Lima puluh peratus (50%) daripada jumlah yang diluluskan akan diberikan terlebih dahulu selepas pelaksanaan Perjanjian AEX untuk sekolah yang berjaya.
- o Baki 50% daripada jumlah yang diluluskan akan diagihkan selepas selesai AEX dan penyerahan bahan-bahan berikut:
 - i. Laporan keseluruhan lawatan seperti templat yang diberi
 - ii. Borang Pemantauan CENDANA
 - iii. Penyata akhir akaun - bukti perbelanjaan (resit, invois, baucar pembayaran dll)
 - iv. Bentuk pengesahan lain - bahan tambahan seperti video, foto dan brosur yang dicipta (jika berkenaan).

TERMA RUJUKAN

Selepas Perjanjian ditandatangani	Laporan Akhir dan Kajian Pemantauan Ekonomi CENDANA
Pengeluaran pertama untuk memulakan AEX : lima puluh peratus (50%) daripada jumlah yang telah diluluskan apabila menandatangani perjanjian dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja.	Pengeluaran akhir baki : lima puluh peratus 50% daripada jumlah yang telah diluluskan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas penyerahan Laporan keseluruhan lawatan dan Borang Pemantauan CENDANA.

5. Siapa yang boleh memohon untuk program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar?

- Sekolah Rendah Awam (Sekolah rendah sub-bandar, luar bandar dan B40 akan diberi keutamaan);
- Sekolah rendah awam Cina dan Tamil (Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil);
- Sekolah pendidikan khas (sekolah pendidikan khas dan sekolah integrasi pendidikan khas) dan Sekolah Orang Asli.

6. Siapa yang tidak layak memohon program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar?

Oleh kerana dana yang ditawarkan adalah terhad, hanya Sekolah Rendah Awam yang layak untuk memohon. Sekolah menengah, kolej, sekolah antarabangsa dan universiti tidak layak memohon untuk program ini.

7. Bilakah anda boleh memohon untuk program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar?

Hanya dua (2) panggilan untuk permohonan akan di buat dalam tahun 2020.

	Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir	Notis kepada Sekolah	Jadual Lawatan
Panggilan untuk permohonan	4 Februari 2020	13 Mac 2020	6 April 2020	Mulai bulan Mei 2020

8. Bagaimanakah anda boleh memohon untuk program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar?

Pemohonan hendaklah dilakukan melalui laman sesawang CENDANA di www.cendana.com.my sebelum **13 Mac 2020**. Sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tarikh ini tidak akan dipertimbangkan.

- Semua permohonan mestilah disertakan dengan wakil dari pihak sekolah:

TERMA RUJUKAN

- mengesahkan bahawa semua **butiran adalah benar dan tepat**;
- **bersetuju dengan terma dan syarat yang dinyatakan** di dalam **#BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar** termasuk Pengakuan dan Penafian dan Tugas untuk Simpan Kerahsiaan;
- **Semua penyerahan ke CENDANA mesti disertakan dengan jadual perjalanan lawatan seperti yang digariskan dalam senarai yang disediakan oleh CENDANA. Pihak sekolah perlu mendapatkan pengesahan dari CENDANA sekiranya butiran jadual lawatan adalah tidak berdasarkan senarai tempat/ pengalaman seni budaya yang telah disyorkan oleh CENDANA.**

CENDANA berhak untuk membatalkan mana-mana permohonan dan/ atau mengubah mana-mana terma dan syarat pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Sila ambil perhatian bahawa semua keputusan adalah muktamad.

9. Siapakah yang anda boleh hubungi sekiranya anda mempunyai soalan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, atau ingin bertanyakan dengan lebih lanjut mengenai permohonan anda secara terperinci, sila hantarkan email ke artedu.cendana@gmail.com.

10. Apa yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?

- Permohonan dari sekolah akan dipertimbangkan oleh CENDANA berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang tercatat di bahagian no.5 serta no.11 dan berdasarkan kepada sektor fokus CENDANA.
- Sekolah-sekolah yang terpilih akan dipertimbangkan selanjutnya oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing.
- CENDANA akan memberi notis melalui e-mail dengan memberi salinan notis kepada KPM, JPN dan PPD.
- Sekolah yang terpilih akan dimaklumkan melalui pengesahan e-mel tidak lewat dari **6 April 2020**.
- Setelah dipilih, sekolah-sekolah haruslah menjadualkan lawatan berdasarkan pada pengalaman seni budaya sepertimana dinyatakan dalam borang permohonan.
- Pihak sekolah juga perlu mendapatkan kebenaran dari PPD seperti prosedur yang sedia ada sebelum lawatan untuk membawa para pelajar keluar dari sekolah untuk lawatan seni tersebut.
- Pihak sekolah juga perlu mendapatkan kebenaran dari ibubapa pelajar yang terlibat untuk membawa para pelajar keluar dari sekolah untuk lawatan seni tersebut.

TERMA RUJUKAN

- **Persediaan dari segi pengangkutan haruslah dibuat oleh pihak sekolah** dengan nasihat dari PPD masing-masing.
- Pihak sekolah juga perlu memohon insuran untuk para pelajar dan guru pengiring yang mengambil bahagian dalam lawatan ini.
- CENDANA haruslah dimaklumkan dengan jadual lawatan yang lengkap bagi tujuan pembayaran kos lawatan, pemantauan dan rujukan.

11. Bagaimanakah permohonan anda akan dinilai?

Pemohonan sekolah-sekolah untuk menyertai program ini akan dinilai berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

i. Merit Kesenian dan Pendidikan Sekolah

Sekolah mestilah:

- Pernah melaksanakan Program Seni disamping kokurikulum sekolah
- Melibatkan guru-guru dalam bidang seni/ musik secara aktif, sebagai guru pengiring untuk lawatan ini.

ii. Pengurusan Sumber dan Program Kelestarian

Sekolah mestilah:

- Menyatakan dengan jelas bagaimana program akan menyumbang kepada minat, pemahaman dan pembelajaran para pelajar terhadap seni.
- Menjelaskan pelan sistem sokongan yang sedia ada seperti senarai guru pengiring yang bertugas dan kakitangan yang bertanggungjawab untuk menyelia program lawatan tersebut.
- Berhubung dan berkomunikasi dari masa ke semasa dengan pihak-pihak berkenaan yang terlibat dengan program termasuk memberi maklum balas mengenai program lawatan.
- Komited dalam menyediakan tempat yang selamat untuk para pelajar berbincang dan menyelami seni semasa lawatan.
- Berkongsi cadangan tentang perancangan masa hadapan selepas program lawatan berdasarkan pengalaman yang diperolehi dan bagaimana para pelajar boleh mendokumentasikan pengalaman mereka seperti melalui laporan visual, pameran secara kecil-kecilan dan lain-lain.

iii. Persediaan Pra-Lawatan

Sekolah mestilah:

- Komited untuk menjalankan penyediaan lawatan dengan memberi pencerahan atau penerangan mengenai lawatan seni yang akan dijalankan serta tempat yang akan dilawati terlebih dahulu sebelum hari lawatan tersebut. Guru penyelaras digalakkan untuk mengolah aktiviti pembelajaran yang berkaitan dengan tempat seni budaya bagi lawatan seni tersebut.

TERMA RUJUKAN

12. Apa yang akan berlaku selepas permohonan dinilai?

Pemohonan yang berjaya

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi daripada CENDANA dengan memberi salinan notis kepada KPM. Sekolah-sekolah yang terpilih akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi sebelum/ pada **6 April 2020**.

Pemohonan yang tidak berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan melayan sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

13. Apakah yang diharapkan dari pemohon yang berjaya?

- Lawatan seni ini bersifat menyeluruh dan semua pelajar harus mempunyai peluang yang sama untuk menyertai program lawatan ini, dari pelbagai latar belakang tanpa sebarang halangan.
- Sekurang-kurangnya seorang daripada guru pengiring mengajar dalam subjek seni/ muzik di sekolah yang terpilih.
- Guru pengiring/ wakil pihak sekolah mestilah bertanggungjawab untuk memastikan jumlah pelajar adalah tepat, pembayaran pengangkutan diuruskan dan memaklumkan kepada pihak sekolah segala aktiviti yang dirancang untuk program lawatan.
- Guru pengiring/ wakil pihak sekolah mestilah bertanggungjawab untuk memastikan pihak sekolah memohon dan mendapatkan perlindungan insuran untuk semua pelajar dan guru pengiring yang terlibat dalam lawatan.
- Pihak Sekolah bertanggungjawab untuk memastikan semua yang terlibat dalam program lawatan ini memberikan maklumat yang lengkap, bilangan guru pengiring yang terlibat dan nama-nama pelajar yang bakal menyertai lawatan.
- Guru-guru pengiring haruslah terlatih untuk menghadapi sebarang keadaan di luar jangkaan semasa program lawatan dijalankan.
- Pihak sekolah bertanggungjawab untuk berhubung dengan Pegawai Kebudayaan dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di zon yang berkenaan untuk mendapatkan kebenaran untuk membawa para pelajar keluar dari sekolah untuk lawatan tersebut dan wakil dari tempat seni budaya berkaitan dengan tempahan dan logistik untuk lawatan tersebut.
- Sekolah-sekolah yang terlibat mestilah menghantar Borang Pemantauan yang disediakan oleh CENDANA dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja selepas lawatan.

TERMA RUJUKAN

14. Apa yang diperlukan selepas projek selesai?

- Lengkapkan Borang Pemantauan CENDANA;
- Laporan lengkap lawatan seperti templat yang disediakan oleh CENDANA;
- Laporan Aktiviti KPM;
- Menyerahkan borang-borang lain untuk pengesahan- bahan-bahan sokongan lawatan seperti video-video, gambar-gambar dan sebarang bahan lain (jika berkenaan) dan
- Memastikan semua bukti pembayaran dan resit-resit lawatan disimpan dan dilampirkan bersama sebagai bukti pembayaran untuk diberikan kepada CENDANA dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas lawatan.

NOTA MENGENAI GARIS PANDUAN PEMBIAYAAN

Disamping kami mempromosikan dan membangunkan industri seni budaya untuk masa depan Malaysia, sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab mengagihkan dana awam selaras dengan dasar-dasar kerajaan, CENDANA mengutamakan pembiayaan kepada permohonan yang **tidak**:

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

TIADA LIABILITI

CENDANA menafikan sebarang dan semua liabiliti terhadap apa-apa ganti rugi khas, langsung, tidak langsung, berbangkit, atau berkenaan dengan, atau apa jua kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan **Program #BASKL Lawatan Seni Sambil Belajar**.

PENAFIAN

- CENDANA berhak untuk memerhati dan mencari maklumat daripada pemerhatian dokumen-dokumen termasuk mengambil gambar-gambar dan video-video lawatan seni.
- Gambar-gambar dan video-video akan digunakan untuk tujuan promosi dan penilaian program lawatan seni sahaja.
- Segala usaha akan diambil untuk mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dari pihak Pengurusan Sekolah termasuk pihak KPM.
- Sekolah mungkin dikehendaki untuk memberikan maklumat tambahan apabila diperlukan khususnya semasa penilaian kesan lawatan seni apabila selesai tempoh program.

TERMA RUJUKAN

TENTANG CENDANA

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my .